

18/03/2005

UTP ambil 600 lulusan SPM untuk program ijazah

UNIVERSITI Teknologi Petronas (UTP) Tronoh, Perak akan mengambil 600 lulusan cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti program ijazah pertama pada sesi kemasukan Jun ini.

Rektornya, Dr Rosti Saruwono, berkata jumlah itu termasuk 480 pelajar yang dibiayai Petronas iaitu 125 daripadanya akan ditawarkan program pengajian luar negara, manakala bakinya di UTP.

"Daripada jumlah itu juga, 15 peratus membabitkan pelajar luar negara seperti Chad, Indonesia, Iran, Mozambique, Pakistan, Myanmar, Thailand, Afrika Selatan dan Sudan.

"Bagaimanapun, pelajar terbabit dikehendaki mengikuti program Tahun Asas selama setahun bertujuan mendedahkan mereka dengan pengetahuan asas mengenai bidang yang akan diikuti pada peringkat ijazah pertama. Hanya mereka yang cemerlang akan ditawarkan," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Bagi program pengajian luar negara, Dr Rosti berkata, pelajar terbabit perlu lulus cemerlang sama ada peringkat A-Level, International Baccalaureate, Pengajian Asas Australia dan Pengajian Asas New Zealand sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah pertama di beberapa universiti terkemuka luar negara.

Sementara itu, pelajar cemerlang peringkat Tahun Asas akan ditawarkan mengikuti program ijazah pertama di UTP dalam bidang Teknologi Maklumat, Kejuruteraan Elektrikal, Kejuruteraan Kimia, Teknologi Sistem Maklumat, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Sivil.

Katanya, UTP berjaya memenuhi keperluan tenaga mahir negara apabila lebih 80 peratus daripada graduannya mendapat pekerjaan.

"Ini berikutan, kurikulum yang diamal terkini dan menepati keperluan serta kehendak pasaran kerjaya masa ini.

"Lagi pula, setiap graduan UTP dimestikan menjalani latihan industri selama lapan bulan untuk memberi pengalaman kepada mereka," katanya.

Dr Rosti berkata, selain semua program ditawarkan mendapat akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara, UTP juga sentiasa mengutamakan kualiti kurikulum pengajiannya menerusi kerjasama dengan beberapa universiti luar negara.

Sehubungan itu Majlis Penasihat Akademik Antarabangsa yang diketuai Canselor UTP, Tun Dr Mahathir Mohamad, ditubuhkan bagi memantau kurikulum pengajian dari semasa ke semasa.

Negara terbabit dalam majlis penasihat itu ialah Amerika Syarikat, Kanada, Korea, Hong Kong dan Switzerland.

Selain itu, katanya jalinan kerjasama pintar dengan beberapa universiti pakar kajian galian dan petroleum juga diadakan bagi memantapkan penyelidikan dan pembangunan di UTP.

(END) Source : Berita Harian